



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MALAYSIA (MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD
INDUSTRIES MALAYSIA) WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88701373/1378
<http://www.mafi.gov.my>

Telefax: 03-8888 6906 E-mail: pro@mafi.gov.my Homepage :

SIARAN MEDIA

PENETAPAN HARGA SILING BENIH PADI SAH ELAK MANIPULASI DAN PETANI MUDAH DAPAT BEKALAN

PUTRAJAYA – Penetapan harga siling RM35 per beg bagi Benih Padi Sah (BPS) pada tahun ini bagi mengelakkan manipulasi BPS dan harga lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

Keputusan ini juga dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) selepas mengesan ada penjualan benih padi secara haram oleh agen-agen atau orang tengah kepada pesawah tanpa mempunyai lesen yang sah daripada Kawal Selia Padi dan Beras, MAFI.

Justeru, Kementerian mengambil inisiatif melaksanakan mekanisme itu berikutan isu sama yang berulang pada setiap musim penanaman padi hingga menyebabkan berlaku isu kelewatan penghantaran benih padi dan harga dibeli pesawah tidak dikawal sehingga dijual pada harga RM33 hingga RM60 setiap 20kg benih padi.

Bagi mengatasi isu manipulasi harga dan pengedaran benih padi, MAFI telah melaksanakan pindaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) di bawah Seksyen 4(2);

- i. Melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal;
- ii. Mengeluarkan lesen peruncit hanya kepada 145 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) berkaitan tanaman padi di Semenanjung Malaysia;
- iii. Menetapkan harga siling benih padi sah di paras maksimum sebanyak RM35 per beg kepada pesawah tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada Kerajaan;
- iv. Melaksanakan pengawasan kualiti di sepanjang rangkaian nilai benih padi sah.

MAFI kini dalam proses mengenal pasti syarikat-syarikat baharu untuk dipertimbangkan sebagai panel pengeluar benih padi sah bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Sehingga kini, sebanyak 81,000 beg telah pun diedarkan kepada Negeri Selangor, Perak dan Pahang melalui agen rasmi yang berlesen melalui PPK.

Penggunaan benih padi sah oleh pesawah amat penting kerana dapat mengatasi padi angin di samping meningkatkan mutu pengeluaran padi dan beras negara secara konsisten.

Kenyataan dikeluarkan oleh:

Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Azman Mahmood

9 Februari 2021

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:
En Abdul Taib Abdillah (018-9837990)
Unit Komunikasi Korporat
MAFI